

Hak Asasi Dalam Perlembagaan Malaysia: Ruang Lingkup dan Masalahnya¹

Abdul Aziz Bari

Abstract

This essay seeks to arrive at several generalisation on the nature and implementation of the provisions under Part Two of the Federal Constitution of Malaysia which codifies the essentially human rights provisions. Given the objective the article will not confine itself to just the law but will also look at the practice which includes the court decisions as well as the way the government agencies like the police force view and exercise their powers. The problems and weaknesses of protecting human rights in Malaysia are rooted in various reasons. These include the philosophical foundations laid down by Reid Commission Report as well as the attitude of the people in general. The latter is important as it influences the way the powers-that-be treat the provisions pertaining to fundamental liberties. The establishment of National Human Rights Commission in 1999 underlined this although its functioning thus far has not been entirely satisfactory. The position of Islam and the muslims is another concern of this essay. This question has not been dealt with satisfactorily by the courts and this may alarm the majority of the population who feel that Islam has a special place in the constitutional structure.

Pengenalan

Istilah-istilah seperti hak asasi manusia (*human rights*) atau kebebasan asasi (*fundamental liberties*) umumnya merujuk kepada perkara atau hal yang sama; yakni hak-hak yang dianggap asas dan penting dalam perkembangan rohani dan jasmani seseorang manusia.² Bagaimanapun oleh kerana manusia hidup di bawah tradisi dan kepercayaan yang berbeza maka timbul kepelbagaian dari segi jenis atau ruang lingkup apa yang dikatakan hak-hak asasi itu. Sebab itu apa yang dianggap asasi di Malaysia mungkin tidak dianggap sedemikian di negara-negara yang lain. Meskipun demikian tidak mustahil sekiranya wujud titik pertemuan dari segi perspektif, jenis atau ruang-lingkup hak-hak yang dikatakan asasi itu. Ini kerana manusia mempunyai titik persamaan dalam beberapa hal; baik yang bersifat keperluan jasmani mahu pun rohani.

Meskipun perbincangan ini cuba melihat ruang lingkup peruntukan-peruntukan mengenai apa yang Perlembagaan Persekutuan Malaysia istilahkan sebagai 'kebebasan asasi', apa yang dipaparkan di sini hanyalah gambaran umum - yang tidak bersifat perincian dan teknikal - mengenai ciri-ciri dan kandungan utama peruntukan-peruntukan berkenaan. Berhubung dengan masalah pelaksanaannya pula, perbincangan ini juga akan memaparkan apa yang sebenarnya berlaku; setakat mana peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan benar-benar dilaksanakan.

Mengenai persoalan Islam dan hak asasi pula, isu ini penting dibincangkan walau pun Islam tidak dijadikan tulang belakang perlembagaan negara. Selain itu ada aspek-aspek yang menyentuh kepentingan dan kesan peruntukan-peruntukan yang berkenaan terhadap umat Islam. Hal ini tidak boleh diabaikan kerana umat Islam adalah penduduk asal dan membentuk komponen penting rakyat negara ini. Setengahnya pihak menghujah bahawa Islam harus turut menjadi dasar perundangan di Malaysia.

Sementara itu pelaksanaan hak-hak asasi kadangkala kelihatan seperti medan pertembungan antara rakyat dan kerajaan. Tanggapan ini tidak memeranjatkan kerana pihak berkuasa berpotensi membantut atau menafikan hak-hak asasi yang dimiliki oleh rakyat biasa; baik sebagai individu mahupun sebagai kumpulan.

Hak-hak Asasi Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Hak-hak asasi di Malaysia terkandung di dalam sembilan peruntukan di bawah Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan di bawah tajuk Kebebasan Asasi. Ia bermula dengan Perkara 5 yang mengkanunkan apa yang dipanggil kebebasan diri dan berakhir dengan Perkara 13 yang melindungi hak terhadap harta.³

Satu aliran yang jelas dalam tiap-tiap peruntukan di bawah Bahagian 2 itu ialah betapa hak-hak tersebut tidak bersifat mutlak. Semua peruntukan-peruntukan itu tertakluk kepada sekatan yang dikenakan melalui undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen. Apa yang menjadi masalah di sini ialah tafsiran kepada ungkapan ‘undang-undang’ itu sendiri. Seperti yang akan dipaparkan kemudian, apa yang dikatakan sebagai undang-undang itu dibataskan kepada apa sahaja undang-undang, bagaimana zalim dan tidak munasabah sekalipun, yang diluluskan oleh Parlimen. Kesan negatif pendekatan atau tafsiran yang sedemikian ialah betapa perlembagaan – meskipun ia adalah undang-undang tertinggi negara⁴ - pada hakikatnya tidak lagi menjadi rujukan asas kepada hak-hak yang dikatakan sebagai kebebasan asasi itu. Sebaliknya hak-hak asasi itu pada praktiknya merujuk kepada kehendak Parlimen serta tafsiran mahkamah.

Masalah-masalah ini sebenarnya adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan daripada dokumen dan kerangka perlembagaan itu sendiri. Sewaktu membuat syor mengenai peruntukan-peruntukan berkenaan, Suruhanjaya Reid⁵ tidak berasa perlu untuk mewujudkan sebuah bab lengkap mengenai hak-hak asasi. Peruntukan mengenai hak-hak asasi itu hanya dimasukkan setelah beberapa memorandum yang membimbangi masa depan hak-hak asasi di negara ini dikemukakan kepada Suruhanjaya. Meskipun peruntukan berkenaan dimasukkan, Suruhanjaya tetap berpendapat bahawa kedudukan hak-hak asasi di Tanah Melayu pada waktu itu telah berakar dan kukuh. Jika kita melihat perkembangan selepas merdeka, keyakinan Suruhanjaya itu memang jelas jauh meleset. Pihak berkuasa, yang sering mendakwa bahawa hak-hak asasi tidak penting berbanding dengan apa yang mereka dakwa hak ke atas pembangunan, umumnya tidak begitu komited dengan pelaksanaan hak-hak berkenaan. Ini sukar dinafikan apabila kita melihat kewujudan undang-undang yang implikasinya menindas atau menafikan peruntukan-peruntukan hak-hak asasi yang terkandung di dalam perlembagaan.

Salah satu kelemahan yang sering disuarakan berhubung dengan masalah hak-hak asasi di Malaysia ialah betapa perlembagaan kita tidak cukup lengkap. Perlembagaan kita dikatakan tidak serba merangkum. Antara yang disebut dalam konteks ini termasuklah apa yang dipanggil sebagai larangan terhadap penderaan, hak untuk hidup dalam persekitaran yang tidak dicemari dan seumpamanya. Selain itu Bahagian 2 juga dianggap tidak sempurna kerana ia tidak melindungi peruntukan-peruntukan berkenaan daripada dipinda atau dikurangi kepentingannya oleh Parlimen. Pendapat-pendapat ini tidak seratus peratus salah. Bagaimanapun ada contoh-contoh negara yang perlembagaan mereka tidak begitu ‘sempurna’ atau ‘lengkap’ tetapi pelaksanaan hak-hak asasi tidak menjadi isu besar. Sesetengah negara tertentu, seperti United Kingdom, malah tidak mempunyai perlembagaan bertulis pun. Ini bermakna bahawa meskipun perlembagaan bertulis yang

mengkanunkan peruntukan-peruntukan hak asasi itu penting tetapi yang lebih kritikal dalam menjamin perlindungan dan pelaksanaan hak-hak asasi ialah sikap dan komitmen pihak berkuasa.

Sikap dan komitmen pihak berkuasa ini - Parlimen, polis dan seumpamanya - penting kerana keputusan dan tindakan mereka memberi kesan langsung kepada rakyat biasa. Dari keputusan ke atas permohonan mengadakan rapat umum hinggalah kepada kuasa untuk mengambilalih tanah, kesemuanya memberi kesan langsung kepada hak-hak rakyat, baik sebagai individu mahupun masyarakat.

Pelaksanaan Peruntukan Perlembagaan – Antara Ideal dan Kenyataan

Sebagai undang-undang tertinggi yang menjadi kayu ukur kepada undang-undang dan tindakan pihak-pihak berkuasa, peruntukan perlembagaan boleh digunakan untuk mempersoal sama ada undang-undang lain sah atau sebaliknya. Bagaimanapun oleh kerana perlembagaan telah mengizinkan Parlimen mengenakan sekatan atas pelbagai alasan maka pada hakikatnya kebanyakan hak yang diisytiharkan sebagai asasi itu hanya tinggal nama sahaja. Antara contoh yang sering disebutkan ialah hak-hak untuk bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Di bawah peruntukan ini pelbagai alasan disediakan untuk menyekat hak-hak yang disebut di situ⁶ menyebabkan ia kelihatan bagaikan memberi sesuatu dengan tangan kanan dan kemudiannya merampas kembali dengan tangan kiri. Seperti yang dinyatakan di atas, inilah masalah peruntukan-peruntukan mengenai kebebasan asasi di Malaysia. Berdasarkan kepada senario ini tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa peruntukan-peruntukan itu pada praktiknya hanya bersifat kosmetik semata-mata.

Masalah lain ialah selain hanya dibenarkan untuk warganegara⁷ sahaja hak-hak itu hanya boleh dinikmati tertakluk kepada ihsan penguasa. Penerbitan akhbar dan majalah – yang amat penting dalam konteks kebebasan akhbar dan kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat - tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984. Meskipun kawalan dan sekatan di bawah undang-undang ini telah dijustifikasikan dengan pelbagai alasan muluk (dari keharmonian kaum kepada keselamatan negara) apa yang berlaku ialah undang-undang berkenaan telah digunakan untuk menyekat dan menyusahkan penerbitan-penerbitan yang kritikal terhadap kerajaan, pemimpin dan dasar-dasar mereka.⁸ Begitu juga keadaannya dengan hak untuk berhimpun dengan aman yang telah diletakkan di bawah kawalan polis yang diberi kuasa untuk mengeluarkan permit di bawah Akta Polis 1967. Undang-undang ini tidak menyebut secara jelas alasan bagi menafikan permohonan permit untuk mengadakan perhimpunan: ini semua terletak

di bawah dasar dan peraturan yang dibuat oleh pihak polis yang umumnya boleh dirubah begitu sahaja. Melihat kepada apa yang berlaku kuasa di bawah undang-undang ini juga sama dengan apa yang kelihatan dalam konteks Akta 1984 tadi. Meskipun pelbagai alasan dibuat oleh pihak kerajaan dan polis, apa yang berlaku secara umumnya ialah sekatan terhadap perhimpunan yang kritikal terhadap kerajaan dan dasar-dasarnya. Senario yang sama juga kelihatan dalam konteks hak untuk menubuhkan persatuan. Hak ini dikawal, antara lain, oleh Akta Kesatuan Sekerja 1959, Akta Pertubuhan 1961 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Aliran yang sama dengan kedua-dua hak di atas tadi juga kelihatan di sini. Walau apa pun alasan yang dikemukakan oleh pihak kerajaan, kita boleh menyimpulkan bahawa, sekiranya pihak berkuasa merasakan sesuatu pertubuhan yang hendak didaftarkan itu bertujuan menggarap maksud-maksud yang tidak digemari oleh pihak kerajaan, maka agak sukar untuk permohonan itu untuk diluluskan.⁹

Seperkara yang jelas dalam kesemua undang-undang yang disebut di atas ialah betapa kuasa-kuasa itu diletakkan di tangan para pentadbir yang tidak dipilih oleh rakyat. Dengan demikian kuasa mutlak yang diberikan kepada mereka tidak dapat diteliti oleh Parlimen. Dalam masa yang sama para menteri menuding jari kepada birokrasi sedangkan amalannya ialah para pegawai kerajaan bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar dan keutamaan kerajaan. Dengan kata lain parti pemerintah berselindung di sebalik birokrasi yang mereka kongkong melalui dasar dan pengaruh mereka. Inilah keadaan yang menyebabkan parti yang memerintah dapat menggunakan undang-undang tadi bagi mengukuhkan cengkaman dan pengaruh mereka sedangkan pihak-pihak lain, terutamanya yang tidak sehaluan dengan mereka, mendapati sukar untuk mengambil bahagian dalam proses demokrasi.

Dari segi demokrasi, undang-undang yang ada di Malaysia sekarang adalah tidak wajar. Bagaimanapun mahkamah enggan membuat semakan ke atas undang-undang itu. Sebaliknya mahkamah memilih untuk mengikut sahaja undang-undang yang ada meskipun ia jelas tidak adil dan berlawanan dengan prinsip demokrasi dan keadilan. Ini jelas dalam kes-kes yang melibatkan penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan juga kes-kes yang mempersoalkan keadilan di bawah sesuatu undang-undang itu. Mahkamah bukan sahaja enggan untuk mengambil sikap yang proaktif dalam mempertahankan hak-hak asasi berdasarkan demokrasi, malah tidak menyenangi idealisme dan komitmen yang ditunjukkan oleh keputusan-keputusan para hakim dari beberapa buah negara *common law* dalam Komanwel, sebagaimana yang mereka tunjukkan dalam kes *Karam Singh*.¹⁰ Dengan kata lain, hakim-hakim kita bukan sahaja tidak mengambil sikap yang progresif malahan menganggap sikap yang proaktif itu sebagai tidak wajar.¹¹ Perlu dicatatkan

bahawa sikap mahkamah yang tidak begitu bersedia untuk mengambil sikap yang bertentangan dengan pihak kerajaan yang memerintah ini telah lama wujud. Secara umumnya hakim-hakim lebih menonjolkan sikap dan pendekatan yang konservatif dalam soal-soal berhubung dengan hak-hak asasi ini. Perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hanyalah satu contoh di mana pendekatan sedemikian sudah terlalu menonjol. Sesuatu yang telah sampai ke kemuncaknya sehingga menarik perhatian dunia sebagaimana yang terbukti dengan terbitnya laporan yang dibuat oleh beberapa pertubuhan undang-undang antarabangsa.¹²

Walaupun sesekali kita dapat melihat keputusan-keputusan yang selaras dengan tuntutan hak-hak asasi seperti *Abdul Ghani bin Haroon*¹³ dan *Zainur Zakaria*,¹⁴ kes-kes seperti ini sebenarnya masih belum merupakan aliran yang utama dan konsisten. Ini kerana dalam masa yang sama kita masih menyaksikan kes-kes yang menyongsang arus; kes-kes yang mentafsirkan peruntukan mengenai kebebasan diri secara sempit, seperti yang diperlihatkan oleh Augustine Paul HMT dalam kes *Mohamed Ezam Mohamed Noor*.¹⁵ Kita juga menyaksikan juga betapa mahkamah mengambil pendekatan yang bertentangan dengan semangat keseluruhan perlembagaan apabila ia menafikan hak untuk hadir di mahkamah dalam kes permohonan *habeas corpus*;¹⁶ sesuatu yang perlembagaan sendiri tidak menyebutnya. Ini semua menyebabkan para peguam kian kritikal terhadap sikap yang tidak jelas dan berubah-ubah sebagaimana yang ditunjukkan oleh mahkamah kita.¹⁷

Sikap dan pendekatan mahkamah mempunyai kesan langsung, kerana dalam sistem *common law*, mahkamah mempunyai peranan yang penting dalam menafsirkan undang-undang. Dalam sistem ini mahkamah sebenarnya tidak hanya melaksanakan peruntukan undang-undang. Walaupun mentafsirkan undang-undang adalah peranan utama mahkamah, ia harus melakukannya dengan mengambilkira keadilan dan kewajarannya. Sebab itulah kadang-kadang dikatakan bahawa mahkamah dalam konteks *common law* pada hakikatnya turut membuat undang-undang. Meskipun fungsi itu dikhususkan kepada Parlimen dari segi pelaksanaan, mahkamah turut memberikan sumbangan kerana tafsiran yang dibuatnya akan menjadi sebahagian daripada undang-undang. Dalam tradisi *common law*, undang-undang bukan sahaja meliputi statut atau enakmen tetapi turut merangkumi keputusan-keputusan mahkamah. Justeru dalam konteks hak-hak asasi di Malaysia, mahkamah kita boleh dikatakan telah gagal memainkan peranan mereka. Seharusnya mahkamah memainkan peranan yang aktif sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh hakim-hakim kita dalam bidang-bidang yang lain termasuk undang-undang perdagangan dan kekeluargaan.

Agak jelas bahawa dalam pelaksanaan hak-hak asasi ini senario di Malaysia begitu malang sekali. Ia bermula dengan kelemahan kerangka perlembagaan yang tidak meletakkan peruntukan-peruntukan tersebut di luar jangkauan parlimen. Apabila ini tidak dilakukan akhirnya hak-hak asasi tadi mula dikurangi sedikit demi sedikit oleh parlimen yang meluluskan pelbagai undang-undang untuk menyekat hak-hak itu. Keadaan yang mengecewakan itu menjadi lebih buruk apabila pihak eksekutif - melalui birokrasi - membuat pelbagai polisi dan pendekatan yang lebih sempit dari apa yang dibenarkan oleh undang-undang. Ini kelihatan dalam hubungan perhimpunan awam. Undang-undang hanya memberi kuasa kepada pihak polis untuk mengawalinya, tetapi ia tidak menentukan cara mana kawalan itu harus dilakukan. Sebab itulah pada praktiknya, hak untuk berhimpun secara aman tertakluk kepada ihsan polis; sesuatu yang jelas tidak selari dengan falsafah perlembagaannya khususnya dan demokrasi amnya. Pihak polis, mengikut undang-undang, sebenarnya boleh mengambil pendekatan yang liberal sekiranya mereka mahu berbuat demikian. Malangnya itu tidak berlaku. Senario ini sebenarnya boleh diperbaiki sekiranya pihak mahkamah bersedia memainkan peranan proaktif untuk memastikan bahawa sekatan-sekatan yang dikenakan oleh pihak polis atau birokrasi itu wajar di sisi demokrasi. Malangnya para hakim memilih untuk mengambil pendekatan yang literal dan suasana muram yang menyelubungi ha-hak asasi pun berterusan.

Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM)

Penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) pada 1999¹⁸ perlu disentuh kerana inilah buat pertama kalinya kerajaan mengambil inisiatif untuk berbuat sesuatu bagi menangani dakwaan pencabulan hak-hak asasi di negara ini. Kerajaan mendakwa bahawa penubuhan suruhanjaya tersebut tidak ada kena mengena dengan dakwaan pencabulan hak-hak asasi ekoran pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri pada September 1998,¹⁹ kerana idea penubuhan suruhanjaya tersebut telah wujud lama sebelum itu. Bagaimanapun setakat mana dakwaan kerajaan ini benar tidaklah diketahui kerana kenyataannya ialah bahawa suruhanjaya itu hanya ditubuhkan hampir setahun selepas pemecatan²⁰ yang paling aneh dalam sejarah undang-undang dan politik Malaysia itu berlaku.

Suruhanjaya tersebut dianggotai oleh ahli yang tidak melebihi 20 orang yang tempoh perkhidmatan mereka ialah selama dua tahun.²¹ Fungsi-fungsi Suruhanjaya tersebut, sebagaimana yang diperincikan oleh akta yang menubuhkannya,²² ialah:

- (1) mempromosikan kesedaran dan menyediakan pendidikan tentang hak-hak asasi,

- (2) menasihati dan membantu kerajaan dalam membentuk undang-undang dan arahan pentadbiran dan prosedur di samping mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil dan
- (3) mengesyorkan kepada kerajaan berhubung dengan penerimaan dan pemakaian perjanjian dan instrumen antarabangsa lainnya berhubung dengan hak-hak asasi.

Untuk melaksanakan fungsi-fungsi ini Suhakam telah diberi kuasa²³ oleh Parlimen untuk:

- (1) mempromosikan kesedaran dan menjalankan penyelidikan melalui seminar dan bengkel bagi menyebarkan hasil-hasil penyelidikan itu,
- (2) menasihati kerajaan dalam hal-hal berkenaan yang relevan dan mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil,
- (3) mengkaji dan meneliti pencabulan hak-hak asasi sebagaimana yang diperuntukkan oleh akta berkenaan,
- (4) melawat pusat-pusat tahanan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang yang berkenaan dan membuat syor-syor yang perlu dan
- (5) mengeluarkan kenyataan umum berkenaan dengan hak-hak asasi bila-bila perlu.

Ada pihak yang awal-awal lagi mempersoalkan kemampuan Suhakam menjalankan peranan yang agak berat itu. Ini tidak memeranjatkan kerana Suhakam tidak dibenarkan mendapat dana asing.²⁴ Selain itu ia juga tidak bebas sepenuhnya daripada kawalan kerajaan. Perkara ini penting disebut kerana kerajaan selama ini menjadi pihak yang paling banyak didakwa mencabul hak-hak asasi rakyat. Seharusnya, jika kerajaan benar-benar komited dengan pelaksanaan hak-hak asasi manusia di negara ini, perkara ini perlu dielakkan. Suhakam ditubuhkan oleh undang-undang yang diluluskan oleh parlimen dan dengan itu kerajaan tidak harus bimbang. Sikap kerajaan yang tidak bersedia untuk telus dan terbuka, sebagaimana yang terbayang dalam peruntukan-peruntukan akta berkenaan, menyebabkan keraguan dan persoalan terhadap penubuhan dan integriti Suhakam dan juga komitmen kerajaan sendiri terus dipersoalkan. Dalam pada itu kelambatan kerajaan menyediakan kemudahan dan bantuan sokongan kepada Suhakam, terutamanya dari segi pejabat dan kakitangan, tambah menonjolkan betapa sikap dan komitmen kerajaan dalam soal Suhakam khususnya dan hak-hak asasi umumnya terus menjadi buah mulut mereka yang prihatin dengan soal-soal itu. Komen-komen negatif oleh beberapa orang menteri kabinet, sikap tidak positif yang ditunjukkan oleh pihak polis dalam siasatan Suhakam mengenai dakwaan keganasan polis dalam Perhimpunan 100,000 rakyat pada awal Disember 2000 turut memberikan imej yang kurang baik terhadap kerajaan.

Walau bagaimanapun, di tengah-tengah perang mulut antara kerajaan dan pihak Suhakam yang sesekala berlaku, Suhakam telah berusaha menjalankan fungsi-fungsinya. Tetapi secara tidak langsung, kelihatan juga masalah yang dihadapi oleh Suhakam seperti ketiadaan prosedur untuk siasatan. Menurut akta berkenaan prosedur berkenaan hendaklah diperbuat oleh menteri dan ini tidak kelihatan dilakukan. Seperti yang disebutkan di atas adalah tidak mudah bagi suruhanjaya untuk memperlihatkan imej yang bebas dan berwibawa apabila ia disekat daripada menerima wang dari luar. Bagaimanapun dalam masa yang sama kerajaan tidak pula menyediakan kewangan dan kemudahan yang cukup. Berbanding dengan suruhanjaya yang lain²⁵ integriti dan kebebasan Suhakam tidak begitu menonjol; sesuatu yang menyebabkan para aktivis hak-hak asasi berasa gansgi terhadap kemampuan suruhanjaya dalam menjalankan fungsi-fungsinya.

Perlantikan ahli-ahli suruhanjaya juga tidak terlepas daripada persoalan. Para aktivis hak-hak asasi rata-rata berpendapat bahawa komposisi ahli-ahli suruhanjaya tidak membantu menonjolkan integriti Suhakam. Ini kerana ahli-ahli yang dilantik ke suruhanjaya itu tidak tergolong di dalam mereka yang komited dengan perjuangan menegakkan hak-hak asasi dan kebebasan walaupun perlantikan mereka dikatakan dibuat berdasarkan latar belakang dan kepakaran masing-masing. Apa yang lebih kelihatan ialah betapa ahli-ahli Suhakam lebih merupakan mereka yang tidak dianggap oleh kerajaan sebagai mempunyai pemikiran *anti-establishment*. Dalam membuat perlantikan itu fikiran dan pandangan para aktivis hak-hak asasi juga tidak diminta. Ini semua menyebabkan ahli-ahli suruhanjaya terpaksa membuat inisiatif untuk bertemu dengan parti-parti pembangkang dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGO) bagi meyakinkan khalayak umum tentang integriti dan kesungguhan mereka.

Mengingat bahawa syor untuk memperbaiki pelaksanaan hak-hak asasi telah disuarakan sejak sekian lama, penubuhan Suhakam sebenarnya bukanlah sesuatu yang amat penting bagi meningkatkan kualiti hak-hak tersebut. Sebenarnya telah banyak resolusi dan ketetapan diluluskan oleh pelbagai seminar dan simposium mengenai hak-hak asasi di Malaysia. Telah banyak kajian yang dilakukan terhadapnya; yang kebanyakannya merasakan bahawa undang-undang yang mencabul hak-hak asasi seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 perlu dimansuhkan.²⁶ Kerajaan sepatutnya merujuk kepada sumber-sumber ini dan bertindak melaksanakannya jika ia benar-benar komited dengan pelaksanaan hak-hak asasi. Berbalik kepada Suhakam sebenarnya apa yang lebih penting ialah memansuhkan sekatan-sekatan yang dikira menghambat demokrasi; sesuatu yang juga telah acap kali disuarakan dalam pelbagai seminar dan simposium. Mengingat prestasi Suhakam setakat ini serta komitmen kerajaan terhadap hak-hak asasi, agak

sukar baginya meyakinkan kerajaan membuat pindaan atau pemansuhan ke atas undang-undang yang bersifat anti hak asasi yang sedia ada.

Walau apa pun, dalam beberapa hal, Suhakam ada menampakkan sumbangan positif. Sebagaimana yang kelihatan dalam siasatan yang melibatkan dakwaan keganasan polis di Lebuhraya Kesas, suruhanjaya tersebut mampu menonjolkan kebenaran secara adil dan telus.²⁷ Malangnya kerajaan enggan menerima kenyataan tersebut tetapi bagi siapa yang memahami politik perkhidmatan awam di Malaysia termasuk pasukan polis ini tidaklah terlalu mengejutkan. Malangnya petanda positif ini digerhanakan sendiri oleh pengerusi Suhakam yang mengeluarkan kenyataan bahawa perjuangan mengenai hak-hak asasi harus dikebelakangkan²⁸ ekoran serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia di New York pada 11 September 2001; sesuatu yang memberikan alasan kepada kerajaan untuk meneruskan tindakan di bawah ISA.

Umat Islam dan Peruntukan Kebebasan Beragama di Malaysia

Ada beberapa perkara pokok yang hendak diperhatikan di bawah tajuk kecil ini. Pertama, kedudukan Islam dalam kerangka perlembagaan. Kedua, bagaimana mahkamah melihat kedudukan Islam dalam rangka ia menafsirkan peruntukan-peruntukan yang mempunyai kesan kepada umat Islam. Ketiga, sejauh mana Islam mempengaruhi tafsiran terhadap hak-hak asasi.

Kedudukan Islam di dalam perlembagaan tidak jelas. Ada yang berpendapat bahawa Islam hanya merupakan faktor yang mewarnakan ciri perlembagaan.²⁹ Dengan kata lain ia tidak mempunyai implikasi yang mendasar kepada kerangka perlembagaan keseluruhannya. Pendapat lain berhujah bahawa perlembagaan boleh menjadi kerangka pelaksanaan Islam³⁰ sekiranya perubahan-perubahan yang perlu dibuat. Bagaimanapun melihat kepada pelaksanaan sistem perbankan Islam - sesuatu yang dasar perlembagaannya meragukan - kita boleh mengatakan bahawa sekiranya pihak kerajaan mempunyai kemahuan politik (*political will*) yang kuat, ada kemungkinan bahawa kemajuan yang bermakna boleh dibuat.

Mengenai tafsiran mahkamah dan kesannya terhadap kedudukan Islam kita perlu memperincikan beberapa kes yang secara langsung menyangkut kedudukan di bawah Bahagian 2. Kes yang paling awal mengenai hak asasi, khususnya hak kebebasan beragama, ialah *Re Susie Teoh*³¹ yang menyentuh hak untuk orang bukan Islam memeluk Islam. Apa yang berlaku dalam kes ini ialah seorang gadis di bawah umur (yakni kurang 18 tahun) memeluk Islam dengan kerelaan hatinya sendiri tetapi tidak diizinkan oleh bapanya. Ini menyebabkan si bapa membawa kes itu ke mahkamah dan menghujah bahawa oleh kerana anak gadisnya masih di bawah

umur maka hak menukar agama hendaklah dibuat hanya dengan persetujuannya sebagai bapa. Di mahkamah tinggi, hakim menolak hujah ini dan memutuskan bahawa oleh kerana si gadis telah mencapai umur baligh (yakni mengikut hukum Islam) maka ia mempunyai kebebasan dan keputusannya untuk memeluk Islam tidak boleh diisytiharkan sebagai tidak sah. Sibapa kemudiannya membuat rayuan ke Mahkamah Agung³² yang membuat keputusan merubah apa yang diputuskan oleh mahkamah tinggi tadi. Mahkamah Agung memutuskan bahawa dalam kes-kes yang sensitif begini ia perlu mengambilkira sensitiviti pelbagai pihak dan memutuskan bahawa sesiapa yang masih berada di bawah umur maka hak memilih agama hendaklah diputuskan oleh ibubapa atau penjaganya.

Kes lain yang secara langsung menyentuh isu kebebasan beragama ialah kes *Jamaluddin bin Othman*³³ yang menangani permohonan yang dibuat oleh seorang lelaki Melayu yang memeluk agama Kristian dan kemudian melakukan usaha untuk menyebarkan agama tersebut di kalangan orang-orang Melayu. Beliau kemudian ditahan oleh pihak polis di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan beliau mencabar penahanan itu yang didakwa bertentangan dengan hak kebebasan beragama sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah bersetuju dengan hujah ini dan dengan itu beliau dibebaskan. Apa yang mengecewakan dengan keputusan ini ialah sikap mahkamah. Meskipun hakim mengakui bahawa hak kebebasan beragama ini tidak mutlak dan tertakluk kepada undang-undang, tetapi mahkamah memutuskan bahawa kalau benar sekalipun dakwaan bahawa pemuda Melayu itu terlibat dalam usaha-usaha menyebarkan ajaran Kristian ia tidak bertentangan dengan ketenteraman awam.

Hak seorang wanita Islam untuk mengenakan purdah disentuh dalam kes *Hjh Halimatussaadiyah*.³⁴ Dalam kes ini seorang wanita telah dibuang kerja kerana enggan menanggalkan purdah dan ini dianggap melawan perintah yang dikeluarkan melalui sebuah pekeliling perkhidmatan. Beliau membawa kes itu ke mahkamah dan menghujah bahawa dalam mengeluarkan perintah tersebut pihak kerajaan telah mencabul hak kebebasan beragama. Bagaimanapun mahkamah menolak hujah ini dan memutuskan bahawa pekeliling tersebut tidak membawa kesan tersebut kerana perlembagaan sendiri telah memperuntukkan bahawa hak kebebasan beragama tidak mutlak. Dalam membuat keputusan tersebut mahkamah turut menyentuh betapa amalan menutup muka itu bukan sesuatu yang wajib dalam ajaran Islam. Keputusan mahkamah dalam isu ini menimbulkan persoalan tentang isu pokok yang harus ditangani: saman yang dibawa oleh plaintif berkisar kepada dakwaan bahawa arahan pekeliling kerajaan itu menyekat hak beliau untuk melaksanakan sesuatu yang diharuskan oleh agama anutan beliau, bukan tentang kedudukan amalan menutup muka dalam Islam. Walaupun memang benar mengenakan purdah tidak wajib, mahkamah seharusnya turut mengambil perhatian bahawa menutup muka juga tidak

dilarang oleh Islam. Malahan dalam keadaan-keadaan tertentu purdah mungkin boleh dihujah sebagai wajib. Mengenai keharusan pihak berkuasa menghadkan hak kebebasan beragama boleh dibangkitkan bahawa tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa ia boleh menimbulkan prejudis kepada ketenteraman awam.³⁵ Plaintif sendiri memang belum pernah ditangkap atau diambil tindakan kerana mengancam keselamatan akibat tindakannya itu. Dengan demikian alasan bahawa pemakaian purdah mempunyai potensi untuk menjejaskan ketenteraman awam, yang didakwa oleh kerajaan dan diterima oleh mahkamah, adalah sesuatu andaian yang tidak disokong oleh apa-apa hujah atau bukti.

Persoalan kebebasan beragama juga turut menjadi isu dalam kes *Meor Atiqulrahman*;³⁶ sebuah kes yang melibatkan tindakan buang sekolah ke atas beberapa orang murid lelaki yang memakai serban. Dalam kes ini Mahkamah Tinggi turut menekankan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan yang harus diberi kedudukan yang mengatasi agama-agama lain. Mengenai kedudukan Islam ini, mahkamah memutuskan, ia sepatutnya menjadi panduan kepada peraturan mengenai pakaian seragam bagi murid-murid sekolah. Penghakiman ini, meskipun hanya merupakan keputusan Mahkamah Tinggi, merupakan penghakiman yang terbaik dalam soal kedudukan Islam dan umat Islam dalam konteks hak kebebasan beragama.³⁷ Ini kerana seperti yang kelihatan dalam kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah sebelum ini, seperti yang jelas kelihatan dalam kes-kes *Jamaluddin bin Othman* dan *Hjh Halimatussaadiah*, kedudukan Islam disamakan dengan agama-agama lain yang tidak mempunyai status agama rasmi atau agama Persekutuan.

Kesan yang jelas daripada kes-kes ini ialah betapa Islam tidak diberikan kedudukan yang seharusnya dalam pelaksanaan hak-hak asasi, khususnya dalam konteks kebebasan beragama.³⁸ Sepatutnya Islam diberikan kedudukan yang istimewa selaras dengan sejarah dan kenyataan masyarakat yang ada. Kes *Meor Atiqulrahman* pula jelas menunjukkan bahawa pendekatan seperti itu sebenarnya boleh diambil sekiranya hakim-hakim mempunyai komitmen dan kemampuan intelektual yang diperlukan. Sama halnya dengan soal parlimen dan birokrasi tadi, iaitu sesuatu yang jelas penting dalam memastikan semangat asal perlembagaan diberi pertimbangan yang wajar ialah soal kefahaman dan komitmen. Perlu dicatatkan bahawa apabila kita menyebut keperluan Islam diberikan kedudukan selaras dengan sejarah dan kenyataan yang ada ia bukanlah prinsip yang ganjil dan tidak wujud di dalam undang-undang sivil sendiri. Sesiapa yang biasa mengikuti kes-kes yang melibatkan konflik antara prinsip Inggeris dan prinsip-prinsip asing akan melihat betapa prinsip dan nilai Inggeris diberi keutamaan.³⁹

Kita juga perlu melihat kedudukan mahkamah syariah terutamanya di bawah pindaan 1988 yang bertujuan menghalang mahkamah sivil mencampuri bidang

kuasa mahkamah syariah. Persoalan ini penting kerana pertembungan bidang kuasa antara kedua-dua mahkamah sivil dan syariah turut mendatangkan kesan ke atas ruang lingkup hak-hak asasi. Walaupun peruntukan ini terletak di bawah mahkamah sivil apabila ia melibatkan orang-orang Islam atau isu Islam maka ia turut terletak di bawah mahkamah syariah. Setakat ini mahkamah-mahkamah sivil masih belum menghormati atau mengikuti sepenuhnya pindaan yang bertujuan menghalang campurtangan itu.⁴⁰

Sikap dan pendekatan dalam soal pindaan yang menyentuh bidang kuasa mahkamah syariah ini jelas berbeza dengan kes-kes pindaan yang lain termasuk Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan seumpamanya di mana mahkamah menuruti sepenuhnya pindaan-pindaan yang dilakukan oleh Parlimen.⁴¹ Dalam kes-kes yang umumnya dipanggil kes-kes keselamatan itu, mahkamah enggan meneliti keputusan dan tindakan pihak eksekutif dalam isu-isu di bawah undang-undang itu.⁴² Ini secara tidak langsung berkaitan dengan persoalan komitmen. Meskipun dalam soal pindaan 1988 itu telah jelas dinyatakan apa yang dihasratkan oleh Parlimen tetapi hakim-hakim masih cuba mencari jalan untuk tidak melaksanakan pindaan tersebut atas pelbagai alasan.

Sebagai majoriti rakyat dan warganegara Malaysia, umat Islam juga turut merasai kesan pelaksanaan undang-undang mengenai hak-hak asasi. Selain aspek-aspek di atas, undang-undang tertentu seperti yang berhubung dengan perhimpunan awam, penubuhan persatuan dan seumpamanya turut menimbulkan masalah dan kesulitan kepada umat Islam. Sekatan ke atas penggunaan nama dan lambang Islam umpamanya jelas mendatangkan implikasi langsung ke atas kegiatan Islam; sama ada yang berbentuk kebajikan, dakwah mahupun politik.⁴³ Dalam keadaan-keadaan tertentu umat Islam dan pertubuhan Islam malah dikenalpasti sebagai kumpulan sasaran sesuatu dasar kerajaan atau undang-undang: sesuatu yang mempunyai potensi menafikan hak asasi mereka sebagai rakyat sebagaimana yang dijamin oleh perlembagaan.

Dalam isu-isu tertentu, seperti hak-hak awam untuk berhimpun, bersuara dan seumpamanya, umat Islam selalunya seiring dan sependapat dengan rakyat bukan Islam. Bagaimanapun dalam hal-hal yang lain, contohnya soal kebebasan beragama, umat Islam mungkin tidak sepenuhnya sependapat dengan orang bukan Islam yang umumnya mahukan hak itu diberikan kepada umat Islam sehingga sampai ke peringkat memberikan kebebasan untuk orang Islam meninggalkan agamanya; sesuatu yang jelas tidak dapat diterima oleh Islam meskipun mungkin wujud perbezaan sama ada ini boleh dihukum dengan hukuman mati atau sebaliknya. Apa yang hendak ditekankan di sini ialah bahawa dalam menuntut pelaksanaan hak-hak asasi di Malaysia, umat Islam tidak selamanya dapat seiring dengan rakyat bukan

Islam.⁴⁴ Punca kepada keadaan ini bukanlah kerana umat Islam hendak memaksakan agama mereka kepada orang bukan Islam: mereka hanya mahukan Islam diamalkan dengan cara yang tidak mendatangkan mudarat kepada Islam. Dengan kata lain umat Islam hanya menuntut hak untuk hidup mengikut landasan agama mereka.

Kesimpulan dan Penutup

Agak jelas bahawa kedudukan hak-hak asasi di Malaysia jauh dari memuaskan. Hak-hak awam seperti hak untuk bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan pada ketika ini menjadi hak yang paling kritikal. Hak-hak yang lain, termasuk kebebasan diri,⁴⁵ juga berada di dalam tahap yang sama. Sebahagian daripada alasan yang dikemukakan untuk menyekat atau mengurangi hak-hak tersebut - terutamanya ancaman komunisme dan seumpamanya - ternyata sudah berlalu dan tidak relevan lagi. Dalam pada itu kita juga boleh menghujah bahawa hak-hak itu tidak semestinya boleh menjejaskan ketenteraman awam. Apa yang kelihatan di sini ialah betapa pihak berkuasa tidak yakin dengan kematangan dan ketamadunan rakyat Malaysia sendiri. Seolah-olahnya, melihat kepada pelbagai sekatan itu, rakyat dianggap tidak matang dan gemar melakukan keganasan. Satu lagi masalah besar yang tidak mudah untuk diatasi ialah betapa perjuangan untuk mendaulatkan hak-hak asasi terutamanya hak-hak sivil untuk bercakap, berhimpun dan seumpamanya terus dilabelkan sebagai mempromosikan keganasan dan kekerasan. Sikap yang kritis juga dilabelkan demikian. Ertinya apa sahaja yang tidak selari dengan kepentingan dan keutamaan terus dianggap anti nasional dan akan ditekan.

Perkara lain yang perlu disebut ialah mengenai landasan dan pengarah hak-hak asasi di Malaysia. Perlembagaan, meskipun jelas kelihatan berkerangkakan *Westminster*, tetapi tidak menganut fahaman liberal Barat. Ia juga tidak memperlihatkan kecenderungan ke arah Islam. Malah jika dilihat daripada segi pelaksanaannya bahagian berkenaan agak jelas tidak mesra-Islam. Ini kelihatan dalam kes-kes murtad. Secara keseluruhan tema yang melatari tafsiran dan pelaksanaan hak-hak asasi ialah sikap autokratik atau feodal yang merasakan bahawa pemimpin mempunyai autoriti mutlak untuk menentukan sebanyak mana kebebasan dan hak yang boleh dimiliki oleh rakyat.

Ada pendapat yang menyatakan bahawa antara masalah yang menjadi penghalang kepada pelaksanaan hak-hak asasi di Malaysia ialah tidak wujudnya sebuah kanun atau peruntukan yang serba lengkap dan merangkum. Bagaimanapun, melihat kepada kelonggaran yang diberi kepada hak-hak tertentu - seperti yang kelihatan dalam hubungan hak kebebasan beragama tadi - pendapat sedemikian

jelas tidak seratus peratus benar.⁴⁶ Kelonggaran itu menunjukkan bahawa Bahagian 2 boleh menjadi asas untuk melindungi dan menjamin hak-hak asasi sekiranya pihak-pihak yang berwajib, terutamanya pihak eksekutif dan badan kehakiman, mempunyai visi dan komitmen yang selaras dengan falsafah hak-hak asasi itu sendiri.

Persoalan apakah kita memerlukan sebuah kanun hak asasi yang serba lengkap sebenarnya bukanlah isu besar sekarang. Ini kerana peruntukan-peruntukan yang ada dalam Bahagian 2 itu belum dilaksanakan sepenuhnya mengikut ideal dan falsafahnya. Lagipun sukar untuk mengadakan sebuah kanun yang serba lengkap kerana manusia selalunya tidak berupaya untuk menduga apa yang perlu untuk masa depan. Selain itu kekurangan dan kelemahan kerangka perlembagaan yang ada sekarang hanya boleh dipastikan setelah kesemua peruntukan yang ada itu ditafsir secara liberal dan selaras dengan kehendak dan falsafah asalnya.

Nota Hujung

1. Sebahagian daripada idea di dalam makalah ini telah diterbitkan dalam Abdul Aziz Bari, "Kebebasan dan Hak-hak Asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan", *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, Jil.4, 2000, hal. 87-108
2. Lihat Tunku Sofeah Jewa, *Public International Law - A Malaysian Perspective*, Jil.I, Kuala Lumpur: Pacifica Publications, 1996, hal. 465
3. Peruntukan-peruntukan lain ialah tentang larangan terhadap keabadian dan kerja paksa (Perkara 6), perlindungan daripada undang-undang jenayah berkuatk kuasa kebelakangan dan percabaran berulang (Perkara 7), hak sama rata (Perkara 8), larangan buang negeri dan kebebasan bergerak (Perkara 9), hak kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan (Perkara 10), kebebasan beragama (Perkara 11) dan hak-hak berkenaan dengan pendidikan (Perkara 12)
4. Ini diisytiharkan oleh Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut bahawa, "Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan apa yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu".
5. Suruhanjaya yang diketuai oleh Lord Reid (seorang hakim di House of Lords) ini dianggotai oleh lima orang hakim dan ahli hukum dari United Kingdom, Australia, India dan Pakistan.
6. Lihat Perlembagaan Persekutuan, Perkara 10(2)(a), (b) dan (c).
7. Lihat *ibid*, Perkara 10(1) dan bandingkan dengan Perkara 11(1) yang menyebut hak terhadap kebebasan beragama kepada semua orang; tidak terhad kepada warganegara sahaja seperti dalam Perkara 10(1) itu.

8. Untuk perbincangan lanjut lihat, umpamanya, Kua Kia Soong (ed), *Media Watch - The Use and Abuse of the Malaysian Press*, Kuala Lumpur: The Resource and Research Centre, Selangor Chinese Assembly Hall, 1990
9. Untuk perbincangan yang lebih terperinci mengenai akta-akta yang disebut dalam perenggan ini, lihat umpamanya, Chandra Muzaffar, *Freedom in Fetters - An Analysis of the State of Democracy in Malaysia*, Pulau Pinang: ALIRAN, 1986, hh.1-5, 11-26, 75-89 dan 123-131.
10. Lihat penghakiman HT Ong HBM dalam kes *Karam Singh lwn Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri* [1969] 2 MLJ 129, 141H yang meremehkan pendekatan kritikal oleh hakim-hakim India sebagai idealis yang cuba mengharmonikan hal-hal yang sukar dipertemukan. Lihat Abdul Aziz Bari & R.H.Hickling, 'The Doctrine of Separation of Powers and the Ghost of *Karam Singh*' [2001] 1 MLJ xxi
11. Lihat penghakiman dalam kes-kes *Public Prosecutor lwn Yee Kim Seng* [1983] 1 MLJ 252, 253 dan *Attorney-General lwn Chioh Thiam Guan* [1983] 1 MLJ 51 di mana mahkamah memutuskan bahawa fungsinya hanya melaksanakan undang-undang; soal ia adil atau sebaliknya adalah soal Parlimen.
12. Lihat *Justice in Jeopardy: Malaysia 2000* yang disediakan bagi pihak International Bar Association, ICJ Centre for the Independence of Judges and Lawyers, Commonwealth Lawyers' Association dan Union Internationale des Avocats.
13. *Abdul Ghani bin Haroon v Ketua Polis Negara & Anor* [2001] 3 AMR 2566, [2001] 2 MLJ 689, [2001] 2 CLJ 574, [2001] 3 CLJ 853
14. *Zainur Zakaria v Public Prosecutor* [2001] 3 MLJ 383, [2001] 3 AMR 3149
15. *Mohamed Ezam Mohamed Noor & Ors v Inspector-General of Police* [2001] 1 CLJ 245, [2001] 2 AMR 2368
16. Lihat keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Inspector-General of Police v Abdul Ghani bin Haroon* [2001] 4 MLJ 11
17. Untuk perbincangan lanjut lihat, umpamanya, Malik Intiaz Sarwar & Christopher Leong, "The Trials and Tribulations of Humpty Dumpty – Fundamental Liberties and National Security, are the courts striking the right balance?", kertas yang dibentangkan dalam *11th Malaysian Law Conference* anjuran Majlis Peguam pada 8-10 November 2001.
18. Untuk rujukan dan bahan-bahan asas mengenainya lihat S.S. Rachagan & R. Tikamdas (eds), *Human Rights and the National Commission*, Kuala Lumpur: HAKAM, 1999.
19. Untuk perbincangan lanjut mengenai insiden ini lihat, umpamanya, Abdul Rahim Awang, *Rahsia di sebalik Pemecatan Anwar - Analisis Peristiwa, Soalan dan Andaian*, Sri Gombak: Ara Communications Sdn. Bhd., 1998 dan Fan Yew Teng, *Anwar Saga - Malaysia on Trial*, Genting, Raya Sdn. Bhd., 1999
20. Untuk perbincangan lanjut mengenai kedudukan dan kuasa Perdana Menteri ke atas rakan-rakan kabinetnya lihat Abdul Aziz Bari, *Cabinet Principles in Malaysia: The Law and Practice*, Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd., 1999

21. Lihat akta yang menubuhkan suruhanjaya ini: Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, seksyen 5(1). Menurut seksyen 5(2) akta berkenaan ahli-ahli dilantik oleh Yang di Pertuan atas cadangan Perdana Menteri.
22. Lihat seksyen 4(1)
23. Lihat seksyen 4(2)
24. Lihat seksyen 19(2). Bagaimanapun seksyen 19(3) membenarkan Suruhanjaya menerima derma awam untuk tujuan mempromosi dan menyebarkan kesedaran hak-hak asasi. Bantuan ini bagaimanapun hanya dibenarkan oleh akta berkenaan sekiranya tidak ada syarat dikenakan oleh pemberinya.
25. Ini termasuklah Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). Laporan Suruhanjaya Reid menekankan integriti badan ini yang kemudiannya dilaksanakan oleh perlembagaan: Yang di Pertuan Agong dikehendakki memastikan bahawa komposisi SPR meyakinkan rakyat: lihat Perlembagaan Persekutuan, Perkara 114(2).
26. Kerajaan sebaliknya memperkukuhkan akta ini seperti yang kelihatan dalam pindaan yang dilakukan pada 1988. Begitu juga dengan Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan yang menjadi asas kepada undang-undang yang membenarkan penahanan tanpa bicara ini: lihat A.J. Harding, *Law, Government and the Constitution in Malaysia*, Kuala Lumpur: MLJ Sdn. Bhd., hh.163-165
27. Lihat P. Ramakrishnan, "Kesas Protest: Suhakam's Verdict" *Aliran Monthly* 2001:21(7),hh.22-3
28. Lihat *Harakah*, Bil.1202, 16-30 November 2001, hal.15
29. Lihat umpamanya L.A. Sheridan, "The Religion of the Federation" [1988] 2 MLJ xiii yang merupakan komen terhadap keputusan Mahkamah Agung dalam kes *Che Omar bin Che Soh lwn Pendakwaraya* [1988] 2 MLJ 55
30. Lihat Abdul Aziz Bari, "Pelaksanaan Islam melalui Kerangka Perlembagaan di Malaysia – Potensi dan Masalahnya", *Jurnal Undang-undang IKIM*, Jilid 3, Bil.2, Jun-Di, 1999, hh.83-105
31. Lihat kes *Teoh Eng Huat lwn Kadhi, Pasir Mas & Anor* [1986] 2 MLJ 228 [1990] 2 MLJ 300, 302
32. Bekas Ketua Hakim Negara Tun Mohamed Salleh Abas menangguhkan perbicaraan kes ini; sesuatu yang kemudiannya dijadikan salah satu alasan untuk memecat beliau dari jawatannya.
33. *Jamaluddin bin Othman lwn Minister of Home Affairs* [1989] 1 MLJ 368 dan 418
34. *Halimatussaadiah lwn Public Service Commission, Malaysia & Anor* [1992] 1 MLJ 513 HC dan [1994] 2 MLJ 61 SC
35. Ini dibangkitkan oleh Zainur Zakaria dalam ulasannya terhadap kes ini: "Religious Freedom - Right to wear the Purdah" [1993] 3 MLJ xxv
36. [2000] 5 MLJ 375
37. Lihat Abdul Aziz Bari, "Islam as the Religion of the Federation – A Commentary on the decision in *Meor Atiqulrahman*" [2000] 2 MLJ cxxix. Lihat juga Abdul Aziz

- Bari, "Serban di Mahkamah Tinggi Seremban: Kesannya terhadap Tafsiran Islam dalam Perlembagaan", *Eksklusif*, Bil.20, 30 Ogos 1999, hal.17
38. Untuk perbincangan lebih sila lihat Abdul Aziz Bari, "Murtaf dalam konteks Kebebasan Beragama di Malaysia", *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*, Jil.3, 1999, hh.54-70
 39. Untuk gambaran lanjut lihat, umpamanya, P.M North & J.J. Fawcett, *Cheshire and North's Private International Law*, edisi kesebelas, London: Butterworths, 1987, hh.130-140. Lihat juga Abdul Aziz Bari, *English Conflict Rules Against the Background of Parties Belonging to the Muslim tradition*, Disertasi LLM yang tidak diterbitkan, Universiti Nottingham, England, 1991.
 40. Kes terbaru yang relevan di sini ialah *Sukma Darmawan Sasmitaat Madja lwn Ketua Pengarah Penjara, Malaysia & Anor* [1999] 2 MLJ 241
 41. Lihat kes *Teh Cheng Poh lwn Public Prosecutor* [1979] 1 MLJ 50. Lihat kupasan terhadap kes ini dalam Vincent Hoong, "Validity of Emergency Regulation and the Saga of *Teh Cheng Poh's case*" (1981) 23 Mal. L.R. 174-182
 42. Lihat contohnya kes *Theresa Lim Chin Chin v Inspector-General of Police* [1988] 1 MLJ 293 di mana Mahkamah Agung enggan menerima hujah bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 sudah tidak relevan kerana ancaman komunis sudah berakhir.
 43. Untuk perbincangan yang lebih khusus mengenai cadangan kerajaan ini lihat Abdul Aziz Bari, "Kebebasan Asasi dalam Perlembagaan Persekutuan - Aspek-aspek yang relevan buat Gerakan Islam di Malaysia" kertas yang dibaca pada *Konvensyen Gerakan Islam Agenda 2000*, Persatuan Ulama Malaysia, 16-7 Oktober 1999.
 44. Lihat Abdul Aziz Bari, "Kebebasan Beragama di Malaysia - Antara Undang-undang, Sejarah dan Politik", *Dewan Masyarakat*, Januari 2001, hal. 36-37
 45. Lihat Perlembagaan Persekutuan, Perkara 5.
 46. Bagaimanapun dalam isu-isu tertentu pandangan yang mahukan sebuah kanun yang serba lengkap itu mungkin boleh diterima; seperti dalam soal-soal alam sekitar: lihat Abdul Aziz Bari, "Right to Life under the Federal Constitution and Environmental Issues" [1999] 1 MLJ 1x. Lihat juga Gurdial Singh Nijar, "The Bakun Dam case - A Critique" [1997] 3 MLJ ccxxix